



## ***Fidyah Puasa Dan Permasalahannya***

### **(Bahagian Akhir)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

### **Kadar Fidyah Puasa**

Kadar *fidyah* puasa bagi satu hari puasa yang ditinggalkan ialah sebanyak satu *mudd* (cupak) beras atau apa-apa juga bijiran yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri. Kadar satu *mudd* itu adalah bersamaan dengan 15 tahil atau kira-kira 567 gram.

Oleh yang demikian dalam menentukan jumlah *fidyah* yang perlu dibayar pula, kadar satu *mudd* itu hendaklah didarab atau diganda dengan jumlah hari-hari puasa yang ditinggalkan.

Untuk jelasnya dibawakan contoh berikut; Seseorang meninggalkan puasa sebanyak 7 hari pada bulan Ramadhan 1427H, akan tetapi dia melambat-lambatkan qadhanya sehingga datang bulan Ramadhan 1428H sedangkan dia berdaya mengqadhanya, maka wajib dia membayar *fidyah* di samping tuntutan mengqadha puasanya yang tertinggal pada tahun 1427H yang lalu itu.

<b>Puasa yang ditinggalkan</b>	<b>Fidyah yang perlu dibayar</b>	
	<b><i>mudd</i></b>	<b>gram/kg</b>
1 hari	1 <i>mudd</i>	567 gram
7 hari	7 <i>mudd</i> x 567 g	3969 g/ 3 kg 969 g

## ***Fidyah Berganda***

*Fidyah* orang yang melengahkan qadha puasa akan berganda dari tahun ke tahun yang berikutnya jika belum lagi diqadha puasanya dan belum dibayar *fidyah* yang terdahulu.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menyebutkan: “*Dan sesiapa yang mengakhirkan (melengah-lengahkan) qadha puasa Ramadhan sedangkan dia berupaya menunaikannya (kerana tiada uzur) sehingga masuk Ramadhan pada tahun hadapannya, maka wajib ke atasnya qadha (puasa yang ditinggalkannya) di samping membayar fidyah bagi setiap hari (puasa yang ditinggalkannya) sebanyak satu mudd. Dan menurut pendapat yang ashah berulang-ulang / berganda fidyah itu (selagi belum dikeluarkan) dengan berulangnya tahun-tahun berikutnya.*”

Menurut Imam asy-Syarwani *Rahimahullah*, perkataan “berulang-ulang” sebagaimana yang disebut oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di dalam kitabnya al-Minhaj iaitu “*berulang-ulang / berganda fidyah itu (selagi belum dikeluarkan) dengan berulangnya tahun-tahun berikutnya*” dikaitkan dengan upaya seseorang itu untuk mengqadha puasa. Jika seseorang itu mengakhirkan qadha puasanya sedangkan dia berdaya untuk mengqadhanya dan dia masih mempunyai *fidyah* yang belum dikeluarkannya, maka *fidyah* tersebut akan berulang dengan kedatangan Ramadhan yang berikutnya.

Untuk lebih jelas dibawakan contoh berikut; Seseorang meninggalkan puasa sebanyak 5 hari pada bulan Ramadhan 1427H, dan dia melengah-lengahkan qadhanya sehingga datang bulan Ramadhan 1428H sedangkan dia berdaya mengqadhanya, maka dia diwajibkan untuk membayar *fidyah* di samping mengqadha puasanya. Jika dia masih tidak mengqadha puasanya dan tidak membayar *fidyah*nya sehingga datang bulan Ramadhan 1429H dan seterusnya sehinggalah datang bulan Ramadhan 1430H, maka *fidyah* tersebut berganda sebanyak 3 kali iaitu mulai 1428H sehingga 1430H. Oleh itu *fidyah*nya akan berganda dengan masuknya tahun berikutnya kerana dia belum mengqadha puasa

dan belum membayar *fidyah* pada tahun sebelumnya. Untuk lebih jelas lihat rajah di bawah:

Tahun	Puasa yang ditinggalkan	Puasa yang sudah diqadha	<i>Fidyah</i> bagi puasa yang belum diqadha	Jumlah <i>fidyah</i>
1427H	5	-	-	-
1428H	-	-	5 <i>mudd</i>	567 g x 5 = 2835 g
1429H	-	-	5 <i>mudd</i> x 2 (tahun) = 10 <i>mudd</i>	567 g x 10 = 5670 g
1430H	-	-	5 <i>mudd</i> x 3 (tahun) = 15 <i>mudd</i>	567 g x 15 = <b>8505 g</b>

Berdasarkan perkiraan di atas, maka jumlah yang perlu dibayar ialah sebanyak 8505 gram iaitu kira-kira 8 kilogram 505 gram.

Walau bagaimanapun jika dia telah membayar *fidyahnya* yang awal iaitu *fidyah* yang dikenakan kerana melengahkan qadha sehingga datang bulan Ramadhan tahun 1428H, akan tetapi dia belum mengqadha puasanya sedangkan dia berdaya mengqadhanya, maka *fidyah* tersebut akan bermula lagi pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1429H dan akan berganda seterusnya jika belum diqadha puasa yang ditinggalkannya itu. Untuk lebih jelas lagi lihat rajah di bawah:

Tahun	Puasa yang ditinggalkan	Puasa yang sudah diqadha	<i>Fidyah</i> puasa	<i>Fidyah</i> puasa yang sudah dibayar	Jumlah <i>fidyah</i>
1427H	5	-	-	-	-
1428H	-	-	5 <i>mudd</i>	5 <i>mudd</i>	567 g x 5 = 2835 g
1429H	-	-	5 <i>mudd</i>	-	567 g x 5 = 2835 g
1430H	-	-	5 <i>mudd</i> x 2 (tahun) = 10 <i>mudd</i>		567 g x 10 = 5670 g iaitu <b>5 kg 670 g</b>

Walau bagaimanapun seseorang yang tidak berdaya mengqadha puasanya, umpamanya disebabkan sakit yang bersangkutan sepanjang tahun sehingga datang Ramadhan pada tahun berikutnya, maka tiadalah dikenakan *fidyah* ke atasnya. Sebagai contoh: Seseorang yang belum mengqadha puasa Ramadhan dan dikenakan *fidyah* (*fidyah* tersebut belum dibayarnya) kerana belum mengqadhanya, namun pada tahun berikutnya dia masih belum dapat mengqadha puasanya disebabkan dia jatuh sakit, maka tiada berganda *fidyah*nya disebabkan dia tiada berdaya untuk melaksanakan qadha puasanya.

Oleh yang demikian dalam menentukan berapa jumlah *fidyah* yang perlu dibayar, seseorang itu hendaklah tahu berapa hari puasa yang ditinggalkannya dan tahunnya serta jumlah puasa yang tertinggal yang sudah diqadhanya serta jumlah *fidyah* yang sudah dibayarnya jika *fidyah* berganda. Semua ini akan membantu memudahkan pengiraan *fidyah* apalagi jika *fidyah* tersebut berganda kerana dia belum mengqadha puasa Ramadhan yang ditinggalkannya pada tahun-tahun sebelumnya.

### **Kepada Siapakah *Fidyah* Diberi?**

*Fidyah* itu wajib diberikan kepada fakir atau miskin sahaja. *Fidyah* yang diberikan pula tidak dimestikan satu cupak diberikan kepada fakir atau miskin, bahkan boleh diberi dengan lebih beberapa cupak kepada seorang fakir atau seorang miskin. Berlainan dengan *kaffarah* di mana seseorang itu hendaklah memberikan sebanyak secupak sahaja bagi setiap seorang fakir atau miskin sehingga enam puluh orang.

Makanan yang diberikan ketika mengeluarkan *fidyah* pula ialah dari jenis makanan yang dikeluarkan ketika membayar zakat fitrah iaitu makanan asasi yang *ghalib* (biasa) dimakan oleh penduduk sesebuah negeri. Oleh yang demikian jenis makanan yang dikeluarkan di Negara Brunei Darussalam ialah beras.

## ***Fidyah* Dibayar Dengan Kadar Harga Atau Wang**

Mengenai kadar *fidyah* yang diganti dengan nilai; menurut mazhab asy-Syafi'e, *fidyah* tidak sah dikeluarkan dengan harganya atau wang. Akan tetapi sebagai Irsyad, adalah dibolehkan bertaqlid dengan mazhab Hanafi bagi sesiapa yang hendak membayar *fidyah*nya dengan harganya atau wang.

Berdasarkan penerangan itu, maka harga atau wang untuk gantian satu *mudd* yang bersamaan dengan 15 tahlil atau 567 gram bagi satu hari puasa Ramadhan yang ditinggalkan ialah;

<b>Puasa</b>	<b>Kadar <i>Fidyah</i></b>			<b>Harga Beras Wangi</b>	<b>Harga Beras Siam</b>
	<b><i>Mudd</i></b>	<b>Tahlil</b>	<b>Gram</b>		
1 hari	1 mudd	15 tahlil	567 gram	\$0.71 sen	\$0.48 sen

Membayar *fidyah* puasa adalah ganti bagi ibadah puasa yang ditinggalkan atau dibayar kerana melengahkan qadha puasa. Dengan yang demikian, ia bukanlah satu perkara yang boleh diringan-ringankan kerana ia merupakan hutang yang bersangkutan paut dengan hak-hak Allah yang wajib ditunaikan. Ia akan tetap jadi tanggungan seseorang itu selama mana dia belum melunaskannya. Apabila dia meninggal dunia dan meninggalkan harta pusaka, diwajibkan bagi waris mengeluarkan *fidyah* tersebut. Manakala jika dia tidak meninggalkan harta pusaka, sunat bagi waris membayarkannya.

Sebagai peringatan, meninggalkan puasa Ramadhan tanpa sebarang keuzuran yang dibenarkan oleh syara', seperti musafir atau sakit yang diharuskan untuk seseorang itu berbuka, adalah merupakan suatu dosa besar dan wajib ke atasnya menyegerakan qadha puasa itu sebaik sahaja berlalu hari Raya Aidilfitri.

Adalah menjadi kerugian yang amat besar bagi sesiapa yang sengahaja tidak menunaikan ibadah puasa pada bulan Ramadhan. Ini kerana Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telahpun memberi peringatan kepada umat Baginda, melalui hadis Baginda, bahawa sesiapa berbuka satu hari pada bulan Ramadhan tanpa ada keuzuran yang mengharuskannya berbuka, maka dia tidak akan memperolehi pahala satu hari puasa Ramadhan yang ditinggalkannya sekalipun dia berpuasa seumur hidup.